

14 APRIL 2017

## Rampasan pil kuda terbesar di Perak



**Fakta nombor** **180,000** BIJI pil kuda dirampas di kawasan FELDA di Sungkai

**20.3** KILOGRAM berat pil kuda yang dirampas

[FOTO MUHAIZAN YAHYA/BH]

Untuk video layari [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

Hasnan (tengah) menunjukkan pil kuda yang dirampas dalam serbuan di sebuah rumah di Sungkai pada sidang media di IPK Perak, Ipoh, semalam.

# Rampasan pil kuda terbesar di Perak

➔ Serbuan di kawasan FELDA temui dadah bernilai RM3.6 juta dipercayai dibawa masuk dari negara jiran

Oleh Shamsul Kamal Amaruddin dan Rosman Shamsuddin  
bhnews@bh.com.my

Ipoh

**R**ampasan 180,000 biji pil kuda bernilai RM3.6 juta dalam serbuan di kawasan FELDA di Sungkai, Selasa lalu, adalah yang terbesar bagi dadah jenis berkenaan di Perak dalam tempoh lima tahun.

Sehubungan itu, Pemangku Ketua Polis Perak, Datuk Hasnan Hassan berkata, siasatan lanjut sedang dilakukan untuk mengenal pasti, sama ada dadah seberat 20.3 kilogram itu bagi memenuhi permintaan penagih di negeri ini atau sebagai transit sebelum diedarkan ke negeri lain.

"Kami akan menjalankan siasatan lanjut kerana pil kuda yang dipercayai dibawa masuk dari negara jiran itu, bukan dadah popular kepada penagih di Perak sebelum ini," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak di sini, semalam.

### Dua suspek ditahan

Hasnan berkata, dalam serbuan kira-kira jam 2 pagi oleh sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar

lim itu, polis menahan dua suspek berusia 35 tahun, yang bekerja sebagai penyelia dan peniaga.

Beliau berkata, dalam serbuan itu polis turut merampas dadah jenis syabu seberat 8.70 gram dipercayai untuk kegunaan suspek memandangkan kedua-duanya positif dadah jenis berkenaan selepas dijalankan ujian saringan air kencing.

### Gantung sampai mati

Katanya, kedua-dua suspek diraman selama tujuh hari bermula Selasa lalu dan disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mandatori gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

Sementara itu, seorang peneroka di kawasan FELDA berkenaan berusia 70-an yang enggan dikenali berkata, penduduk itu gempar dengan berita serbuan di kawasan itu dan tidak menyangka boleh berlaku di FELDA berkenaan.

"Aktiviti dadah kini menjadi penyakit utama menyerang anak muda FELDA dan perlu segera dibanteras kerana akan merosakkan reputasi FELDA sebagai pemangkin ekonomi orang Melayu.

"Saya memuji tindakan polis membanteras pengedaran dadah ini dan dapat memberi amaran kepada pender dadah yang cuba merosakkan anak muda FELDA," katanya.

**DARJATA PIL KUDA**

### ANTARA KESAN PADA TUBUH

- A** Mengakibatkan kerosakan otak - halusinasi, paranoid, psikosis, strok dan melemahkan daya ingatan
- B** Mengakibatkan rabun mata kerana gangguan pada saluran darah
- C** Kerosakan pada gigi akibat dari penurunan pengeluaran air liur dan mengigit gigi secara tidak sengaja
- D** Menyebabkan degupan jantung yang cepat, mudah terkena serangan jantung sekiranya mengambil pada dos yang tinggi
- E** Merosakkan sistem pencernaan yang boleh menyebabkan sakit perut dan cirit-birit
- F** Mengakibatkan sawan, ketegangan otot dan mengeletar selain mengalami muntah

DEEN GRAFIK

**Info**

### Rampasan pil kuda di negeri lain

- ➔ **Kelantan** - sebanyak 474,000 biji pil kuda bernilai RM4.7 juta dirampas di sebuah rumah di Jalan Pekan Lama, Rantau Panjang pada 2 April lalu, menjadikannya rampasan terbesar membabitkan pil kuda tahun ini di Kelantan.
- ➔ **Kedah** - rampasan 4,041 pil kuda dalam serbuan di kawasan Pendang, Januari lalu adalah yang terbesar bagi dadah jenis berkenaan di Kedah dalam tempoh dua tahun.
- ➔ **Terengganu** - rampasan pil kuda terbesar pada 18 Januari

membabitkan rampasan sebanyak 2,800 biji bernilai RM33,600. Dua suspek lelaki dan wanita ditahan dalam serbuan di FELDA Chalok, Setiu.

- ➔ **Melaka** - 141 biji pil kuda berjaya dirampas polis dari 1 Januari hingga 31 Mac lalu
- ➔ **Johor** - 492 biji pil kuda dirampas bagi tempoh Januari hingga April 2017 dengan nilai anggaran rampasan RM14,760. Rampasan terbesar pil dalam tempoh empat tahun sejak 2014 ialah pada 2016 dengan rampasan 21,267 pil dengan anggaran nilai RM638,010.
- ➔ **Negeri Sembilan** - pil kuda kurang popular di Negeri Sembilan apabila hanya tiga biji dirampas antara Januari hingga sekarang. Rampasan sepanjang tahun 2016 adalah 476 biji.